

06 MAR 2002

Isa-Air

PENSWASTAAN JBANS MASIH DI PERINGKAT PENELITIAN UPE

SEREMBAN, 6 Mac (Bernama) -- Penswastaan Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) kini masih di peringkat penelitian Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

"Penswastaan JBANS mungkin dilaksanakan tahun depan. Penswastaan dibuat kerana kita sudah tidak mampu lagi menanggung kos pengendalian air yang tinggi," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau menyampaikan anugerah cemerlang kepada 29 pelajar cemerlang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2001 Negeri Sembilan anjuran Yayasan Negeri Sembilan dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan di sini.

Mohamed Isa berkata kerajaan negeri memberi jaminan bahawa tarif air tidak akan membebankan pengguna setelah JBANS diswastakan tetapi tarif air mungkin dinaikkan lebih awal sebelum penswastaan itu.

"Ia tidak akan naik setelah diswastakan nanti," katanya.

Dalam ucapannya, Mohamed Isa berkata kejayaan pelajar terbabit adalah satu transit ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk lebih berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Mereka tidak boleh menganggap kejayaan itu sudah cukup dibanggakan sebaliknya perlu berusaha gigih untuk mencapai kejayaan yang lebih baik, katanya.

"Oleh itu, pelajar tidak perlu leka dengan keputusan SPM yang bersifat sementara itu," katanya sambil menyarankan mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan senario berbeza sistem pembelajaran di sekolah dan IPT.

Beliau berharap pelajar dapat menguasai ilmu pengetahuan dengan menyambut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang mempunyai rakyat yang berkebolehan.

Pada majlis itu setiap pelajar mendapat cek bernilai RM1,000 setiap seorang, sijil penghargaan dan buku bertajuk "Menuju ke Puncak".

-- BERNAMA

AZS RP NAK